

03/10/2002

Pandang ke Timur diberi dimensi baru

PUTRAJAYA, Rabu - Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Julai 1981, akan diberi dimensi baru dengan memberi tumpuan kepada Korea Selatan.

Butiran terperinci mengenai perubahan itu akan diumumkan Perdana Menteri dalam seminar kebangsaan 'Pengalaman Korea - Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Dinamik' di Pusat Konvensyen Sunway, Bandar Sunway pada 10 Oktober ini.

Dr Mahathir dijangka memperjelaskan perubahan dasar berkenaan dalam ucapturnya di seminar sehari anjuran Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan kerjasama Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) itu.

Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed, berkata seminar itu antara lain bertujuan mempelajari bagaimana Malaysia memanfaatkan pengalaman Korea Selatan dalam pengurusan dan pembangunan ekonomi yang menjurus kepada pencapaian status negara maju.

Korea Selatan satu-satunya ekonomi Asia Timur selepas Jepun, yang menganggotai Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan ekonomi kedua selepas China mencatat pertumbuhan paling pantas, iaitu 7.3 peratus setahun sejak 1999.

"Kita perlu mendokumentasikan dan memahami perubahan ketara yang meletakkan semula ekonomi Korea pada landasan pertumbuhan sihat," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Seminar itu adalah susulan lawatan Perdana Menteri ke Korea Selatan baru-baru ini. Ketika lawatan itu Dr Mahathir mendapati beberapa elemen pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara itu boleh diguna pakai oleh Malaysia.

Selain berdialog dengan peserta, Dr Mahathir juga akan melancarkan buku 'Rewriting the Rules: The Malaysia Crisis Management Model' karya Ketua Pasukan Perunding Khas Mengenai Globalisasi, Prof Dr Mahani Zainal Abidin.

Selain tokoh tempatan, pakar ekonomi serta peneraju korporat Korea Selatan akan berucap.

Antara mereka ialah Prof Inchul Kim dari Universiti Sungkyunkwan; Prof Chong-Min Kyung dari Institut Sains dan Teknologi Korea (KAIST); Byoung Jun Song dari Institut Ekonomi Perindustrian dan Perdagangan Korea (KIET); Ketua Pegawai Eksekutif Hynix, Sang Park; dan Ketua Pegawai Eksekutif Flextronics Technology, Peter Tan.

Mustapa berkata, seminar itumenyentuh empat perkara utama iaitu strategi utama pembangunan ekonomi Korea Selatan; bagaimana syarikat Korea Selatan berjaya dalam persaingan global; ekonomi berasaskan dan pengalaman pembangunan sumber manusia Korea Selatan; dan integrasi Korea Selatan dan negara serantau menerusi Asean+3 .

Katanya, Malaysia berminat mempelajari bagaimana Korea Selatan berjaya melahirkan syarikat gergasi yang mengeluarkan kereta dan barangan elektronik bermutu pada harga kompetitif dan kini mula mendominasi pasaran dunia.